

04/11/2000

Peluang saksi Ibrahim berkarya

Wan Jailani Razak

PELUKIS ternama, Datuk Ibrahim Hussein dengan bakat semula jadi yang ada pada dirinya kembali memulakan kerja melukisnya, awal pagi semalam, selepas `berehat' sejak lapan bulan lalu.

Beliau mencanting di atas hamparan kanvas putih sepanjang kira-kira 18 meter di studio terbuka, Yayasan Kebudayaan dan Muzium Ibrahim Hussein (IHMCF), di Pantai Pasir Tengkorak, Langkawi.

Penggerak utama Festival Kesenian Antarabangsa Langkawi (Lifa) itu, berkata beliau sepatutnya tidak berbuat apa-apa ketika festival, sebaliknya menyifatkan ia berlaku secara spontan.

Menurutnya, hatinya tergerak untuk melukis sebaik pulang dari satu persembahan artis Itali, Andrea Griminelli di Barn Thai, kira-kira jam 12 tengah malam, tanpa memotong gulungan kanvas.

"Saya tidak tahu apa yang hendak dihasilkan pada kanvas ini, selain untuk menghilangkan rasa penat selepas berusaha memastikan program Lifa berjalan lancar.

"Bagaimanapun, ia mungkin terjemahan kepada perasaan bercampur-baur iaitu saat suka dan duka dalam kehidupan manusia," katanya ketika ditemui di IHMCF sambil tangan terus mencanting sesuatu menggunakan cat hitam.

IHMCF adalah penganjur utama festival itu yang turut mempamerkan pelbagai hasil karya Ibrahim selepas 35 tahun berkarya dan banyak masa dihabiskan di luar negara.

Ketika menyaksikan beliau mencanting di atas kanvas berkenaan, pengunjung boleh melihat bagaimana sentuhan bersahaja seninya yang disifatkan amat menakjubkan sehingga namanya dikenali di seluruh dunia.

Ditanya mengenai tema lukisannya kali ini, Ibrahim berkata, ia adalah mengenai segalanya yang terlintas di fikirannya ketika itu.

"Ia (idea) keluar dengan sendirinya dan saya sebenarnya berasa puas. Saya melupakan semua perkara yang selama ini memenatkan saya.

"Ketika membuat sesuatu perkara, anda akan berasa keseorangan dan hanya berada dengan diri sendiri, tiada yang lain. Tiada masalah dan tidak bercakap dengan sesiapa. Ia seperti ubat bagi saya," katanya.

Selepas memulakan kerja melukis itu, katanya, beliau kini berasa lebih bersedia dan berhasrat untuk menganjurkan satu lagi festival kesenian.

Peminat seni berpeluang menyaksikan pelbagai hasil karya seperti lukisan, arca dan kebudayaan sempena Lifa yang menemukan ramai tokoh seni terkenal dunia, bermula Jumaat lalu hingga 4 November ini.

Antara yang menarik perhatian ialah demonstrasi seni ikebana oleh Machiko Nakayama, kumpulan penari topeng Bali dan satu-satunya penari flamenco yang menari tanpa kasut, La Chunga serta pemain gitar pengiringnya, Paco Prada dari Sepanyol.

Kemuncak Lifa ialah majlis perasmian IHMCF oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini.

(END)